



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 32 TAHUN 2005**

---

**PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN JURUBAHASA**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan mengenai perubahan skim perkhidmatan Jurubahasa Gred L17, L22, L26 yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

**LATAR BELAKANG**

2. Skim perkhidmatan Jurubahasa yang digunakan sekarang adalah skim perkhidmatan yang berkuat kuasa mulai 1 November 2002 di bawah pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia.

3. Adalah didapati wujud kesukaran untuk mendapat calon Jurubahasa selain Jurubahasa Melayu/Inggeris. Antara lain ini adalah berpunca dari kesukaran mendapatkan calon-calon yang memiliki kelayakan bahasa-bahasa lain di peringkat SPM dengan pencapaian pada tahap kepujian seperti yang disyaratkan dalam skim perkhidmatan semasa. Oleh yang demikian, Kerajaan bersetuju perubahan dibuat ke atas skim perkhidmatan ini dari segi syarat kelayakan bahasa selain Bahasa Malaysia/Melayu dan Bahasa Inggeris. Ini bertujuan untuk mengurangkan masalah kesukaran mendapatkan calon Jurubahasa selain Jurubahasa Melayu/Inggeris.

### **SKIM PERKHIDMATAN JURUBAHASA**

4. Perubahan yang dilakukan terhadap skim perkhidmatan Jurubahasa adalah pada syarat lantikan Jurubahasa selain Jurubahasa Melayu di perenggan 1 (c) (ii) skim perkhidmatan yang berkuat kuasa. Perubahan tersebut adalah seperti berikut:-

(i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) dan kepujian Bahasa Inggeris pada peringkat peperiksaan tersebut; atau

(ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) dan kepujian Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred L17:P1T9); dan

(iii) Lulus Ujian Lisan bahasa/dialek berkaitan yang dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Melantik.

5. Perubahan skim perkhidmatan ini hanya melibatkan perbekalan baru pada syarat lantikan iaitu seperti di perenggan 4 (iii) di atas. Peruntukan-peruntukan lain dalam perbekalan skim perkhidmatan tersebut adalah dikekalkan. Skim perkhidmatan Jurubahasa Gred L17, L22, L26 yang diubah adalah seperti di [Lampiran A](#) dan format iklan jawatan adalah seperti di [Lampiran B](#), manakala penghuraian kerja adalah seperti di [Lampiran C](#). Jadual Gaji Matriks bagi skim perkhidmatan ini seperti di [Lampiran D](#).

6. Berikutan berkuatkuasanya perubahan ini, maka Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan **hendaklah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas** untuk membuat penilaian ke atas Ujian Lisan bahasa/dialek bagi setiap urusan pengambilan.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

7. Tarikh kuat kuasa perubahan skim perkhidmatan Jurubahasa ini ialah mulai **1 Januari 2006**.

#### **PEMBATALAN**

8. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Jurubahasa yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 melalui **Lampiran B** Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan dan digantikan dengan skim perkhidmatan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini. Semua pelantikan mulai 1 Januari 2006 hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baru. Perubahan skim perkhidmatan ini tidak melibatkan penyandang sedia ada.

## **PEMAKAIAN**

9. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## **‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’**

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Ismail Adam', with a long horizontal stroke extending to the right.

**( DATO' SRI ISMAIL ADAM )**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA**

27 Disember 2005

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan